



MENGAKU BERSALAH: Tertuduh (tiga kiri) diiringi pegawai imigresen semasa berada di Kompleks Mahkamah Kuching, semalam.

Lelaki dipenjara dua tahun kerana angkut empat warga Indonesia yang diseludup

KUCHING: Padah mengangkut empat warga Indonesia yang diseludup di Bau pada April 2025, seorang lelaki tempatan berusia 35 tahun dijatuhi hukuman penjara dua tahun di Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Hukuman itu dijatuhkan oleh Hakim Wong Siong Tung terhadap Bannie Mathew yang mengaku bersalah mengikut Seksyen 26J Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 dan dihukum di bawah akta sama.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan boleh didenda sehingga RM250,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara berkuat kuasa mulai 13 Ogos 2025, iaitu tarikh tertuduh tidak dibenarkan diikat jamin.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh yang bertindak sebagai pemandu sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) didakwa telah mengangkut seorang wanita dan tiga lelaki migran warga Indonesia yang diseludup.

Lelaki dipenjara dua tahun kerana angkut empat warga Indonesia yang diseludup

► Dari Muka 1

Kesalahan itu dilakukan-nya sekitar jam 2.25 petang di simpang Kampung Senibong, Jalan Tondong Batu Kawa, Bau pada 26 April 2025.

Berdasarkan keterangan kes, sepasukan penguat kuasa melaksanakan Ops Serkap pada hari kejadian dan memeriksa sebuah MPV di simpang jalan terbabit.

Hasil pemeriksaan mendapati kenderaan berkenaan dipandu oleh tertuduh dan membawa empat migran yang disyaki warganegara Indonesia iaitu Sani, 24, Anton, 30, Sanjaya, 24, dan Riswanti, 36.

Pemeriksaan lanjut menerusi semakan dengan Jabatan Imigresen Malay-

sia (JIM) mendapati Anton mempunyai rekod masuk lama pada 29 April 2024 melalui pintu masuk Biawak, manakala Riswanti pada 17 Februari 2025 melalui pintu masuk Tebedu.

Sehubungan itu, Anton dan Riswanti didapati melakukan kesalahan tinggal di negeri ini melebihi tempoh sah yang dibenarkan dan seterusnya didakwa mengikut Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

Sementara bagi Sani dan Sanjaya, semakan dengan JIM mendapati tiada rekod kemasukan terkini ke Malaysia bagi kedua-dua pendatang yang diseludup terbabit.

Dua individu tersebut seterusnya didakwa mengikut Seksyen 6(1)(c)

Akta Imigresen 1959/63 kerana memasuki negara ini tanpa pas yang sah.

Kesemua migran terbabit terdahulu mengaku bersalah terhadap pertuduhan di bawah Akta Imigresen tersebut dan mahkamah kemudiannya menjatuhkan hukuman sewajarnya terhadap mereka.

Tertuduh pula didapati telah terlibat dengan perbuatan mengangkut pendatang yang diseludup dan melakukan kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 26J ATIPSOM 2007.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Kong Siew Chuo, sementara tertuduh diwakili peguam Steven Beti.